



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama -Kerajaan Serious Pacu Ekonomi Digital Pada 2020

☐ Selasa, Jan 28 2020

PUTRAJAYA, 27 JAN --Kerajaan serius memacu ekonomi digital bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negara tahun ini, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Selain itu, beliau berkata ekonomi digital berupaya berperanan sebagai faktor penarik kepada pelabur, pembinaan modal insan dan penyelidikan.

"Transformasi Malaysia kepada Ekonomi Digital hanya boleh direalisasikan sekiranya rakyat mengamalkan budaya digital dan mengambil bahagian dalam urus niaga digital yang menjurus ke arah masyarakat tanpa tunai," katanya.

Beliau berkata antara langkah yang diambil bagi memacu ekonomi digital ialah pengenalan inisiatif e-Tunai Rakyat, dengan sejumlah RM450 juta disalurkan melalui pengendali e-dompet terpilih bagi menggalakkan penggunaan bayaran tanpa tunai dalam kalangan rakyat.

"Sistem bayaran tanpa tunai ini bukan sahaja lebih efisien, bahkan dapat membantu mengurangkan kejadian pengelakan cukai," katanya dalam amanat tahun baharunya kepada warga Kementerian Kewangan baru-baru ini.

Lim berkata kerajaan akan turut membangunkan infrastruktur yang diperlukan untuk membentuk Malaysia Digital menerusi kerjasama awam swasta, melibatkan pelaburan sebanyak RM21.6 bilion, dengan kerajaan akan membiayai sekurang-kurangnya separuh daripada kos keseluruhan.

Beliau berkata kerajaan juga akan memperkenalkan Geran Pembangunan Ekosistem 5G berjumlah RM50 juta dalam usaha menggalakkan pembangunan teknologi oleh syarikat bagi menghadapi gelombang perubahan 5G di seluruh dunia.

Bagi merencanakan pertumbuhan e-dagang, katanya kerajaan memperuntuk RM20 juta kepada Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi mengembangkan jaguh tempatan dalam membangunkan kandungan digital seperti e-Permainan, animasi dan seni digital.

Kerajaan juga bercadang menubuhkan 14 Pusat Peningkatan Digital Sehati di semua negeri bagi memudahkan akses kepada pembiayaan dan pembangunan kapasiti perniagaan, terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menerusi peruntukkan sebanyak RM70 juta, katanya.

Lim berkata konsep Tanggungjawab Sosial Digital (DSR) yang diperkenal oleh kerajaan adalah usaha untuk menggalakkan kerjasama antara pihak


☐ BISNES

☐ AGENSI

☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <

Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman <

Mikro

e-Penyertaan <

&

Maklumbalas



Statistik & <

Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia

kerajaan dan swasta.


"DSR adalah komitmen oleh sektor perniagaan untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja masa depan dengan kemahiran digital untuk masyarakat yang memerlukan," katanya.

Lim berkata sumbangan sektor swasta dalam aktiviti DSR akan diberi potongan cukai.

-- BERNAMA

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000
☐ 03-88823893 /
03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data